

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 40 RABU 5 Oktober, 1966. 1386 رابو 19 جمادالآخر PERCHUMA

PERAYAAN2 HARI PUJA USIA D.Y.M.M. TAHUN INI ISTIMEWA DARI TAHUN2 YANG SUDAH —

TITAH BAGINDA

TUTONG.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah di-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda kali yang kelima puluh di-Pekan Tutong pada pagi hari Khamis 29 September, 1966 bahawa sambutan2 yang di-berikan oleh pendu-

dok2 di-Daerah Tutong kapada Baginda ada-lah membayangkan satu dari apa yang Baginda perchayai terbit-nya dari hati yang ikhlas, tenaga yang saling bahu-membahu di-antara satu dengan lain dan mudah2an akan kekal menjadi amalan kerana kebajikan atau sentiasa untok kebajikan.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan sa-penohnya di-Istiadat tersebut ada-lah saperti berikut:

“Assalamu alaikom warahamatullahi wabarakatuhu. Pengerusi Perayaan, Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei, Duli Wazir, Ahli2 Yang Berhormat, penduduk2 Daerah

Tutong yang hadir Al-hamdulliah, Beta mengucapkan shukor kapada Allah dan salawat ka-atas Junjongan kita Muhammad s.a.w., kerana dengan limpah kemurahan-Nya


dan berkat Baginda Rasulullah, maka dapat-lah Beta hadir bersama2 di-majlis yang tuan2 adakan di-sini pada pagi hari ini.

Beta mengucapkan te-LIHAT MUKA 8



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan sedang mengurniakan Pingat Perjuangan kapada Chegu Abdul Hamid P.H.A. Bakar di-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Pekan Tutong pada pagi 29 September, 1966.

D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan telah berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Pekan Bangar, Temburong pada 27 September, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Baginda sedang memeriksa Perbarisan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Istiadat Perbarisan tersebut.



Pemberitahu Persiapan Ubahan Daftar Pengundi

BANDAR BRUNEI. — Daftar2 Pengundi untuk Bahagian Pendaftaran yang di-sebutkan di-dalam ruangan 1 dari Jadual di-bawah ini telah pun di-ubah sa-hingga dan termasuk 12 Ogos, 1966.

Salinan2 dari itu dapat di-pereksa di-tempat2 yang di-sebutkan di-dalam Ruangan 2 dari Jadual tersebut dan boleh di-pereksa dalam waktu2 bekerja pada sebarang hari bekerja sa-hingga dan termasuk 18 Oktober, 1966.

Ruangan 1		Ruangan 2		
Bahagian Pendaftaran		Tempat-Di-Pejabat		
		Pegawai	Daerah,	Brunei.
BR 1	Muara	"	"	"
BR 2	Tanah Jambu	"	"	"
BR 3	Batu Marang	"	"	"
BR 4	Mentiri	"	"	"
BR 5	Salambigar	"	"	"
BR 6	Manggis	"	"	"
BR 7	Tilong	"	"	"
BR 8	Delima Satu	"	"	"
BR 9	Angerik Desa	"	"	"
BR 10	Berakas	"	"	"
BR 11	Burong Pingai (Baru)	"	"	"
BR 12	Rimba	"	"	"
BR 13	Sungai Besar	"	"	"
BR 14	Baru-Baru	"	"	"
BR 15	Berbunut	"	"	"
BR 16	Pudak	"	"	"
BR 17	Pelambayan	"	"	"
BR 18	Subok	"	"	"
BR 19	Pintu Malim	"	"	"
BR 20	Kiulap	"	"	"
BR 21	Kiarong	"	"	"
BR 22	Mata-Mata	"	"	"
BR 23	Beribi	"	"	"
BR 24	Tungku	"	"	"
BR 25	Bunut	"	"	"
BR 26	Kilanas	"	"	"
BR 27	Tanjong Bunut	"	"	"
BR 28	Sengkurong	"	"	"
BR 29	Jerudong	"	"	"
BR 30	Tanjong Nangka	"	"	"
BR 31	Katimahar	"	"	"
BR 32	Mulaut	"	"	"
BR 33	Masin	"	"	"
BR 34	Pangkalan Batu	"	"	"
BR 35	Limau Manis	"	"	"
BR 36	Lumapas	"	"	"
BR 37	Kasat	"	"	"
BR 38	Mununggol	"	"	"
BR 39	Kianggeh	"	"	"
BR 40	Pekan Brunei	"	"	"
BR 41	Sumbiling	"	"	"
BR 42	Pusar Ulak	"	"	"
BR 43	Padang	"	"	"
BR 44	Jalan Tutong	"	"	"
BR 45	Sumbiling Baru	"	"	"
BR 46	Bukit Salat	"	"	"
BR 47	Ujong Bukit	"	"	"
BR 48	Limbongan	"	"	"
BR 49	Sg. Kedayan "A"	"	"	"
BR 50	Sg. Kedayan "B"	"	"	"
BR 51	Sultan Lama	"	"	"
BR 52	Pemancha Lama	"	"	"
BR 53	Ujong Tanjong	"	"	"
BR 54	Kuala Peminyak	"	"	"
BR 55	Bendahara Lama	"	"	"
BR 56	Kerma Indera Lama	"	"	"
BR 57	Tajudin Hitam	"	"	"
BR 58	Tamoi Menengah	"	"	"
BR 59	Tamoi Ujong	"	"	"
BR 60	Burong Pingai	"	"	"

Di-Pejabat		Daerah,	Brunei
Pegawai			
BR 61	Lurong Dalam	"	"
BR 62	Pandan "A"	"	"
BR 63	Pandai Besi "B"	"	"
BR 64	Pandan "A"	"	"
BR 65	Pandan "B"	"	"
BR 66	Setia Negara	"	"
BR 67	Pekan Lama	"	"
BR 68	Raja Muda "A"	"	"
BR 69	Raja Muda "B"	"	"
BR 70	Bakut Berumput	"	"
BR 71	Lorong Sekuna	"	"
ER 72	Pahlawan	"	"
BE 73	Saba Laut	"	"
BE 74	Saba Tengah	"	"
BR 75	Saba Ujong	"	"
BR 76	Saba Darat	"	"
BR 77	Peramu	"	"
BR 78	Sg. Kebun	"	"

Di-Pejabat		Daerah,	Tutong
Pegawai			
TT 1	Kupang	"	"
TT 2	Birau	"	"
TT 3	Kebia	"	"
TT 4	Kiudang	"	"
TT 5	Pat Nunok	"	"
TT 6	Lamunin	"	"
TT 7	Sinaut	"	"
TT 8	Luagan Dudok	"	"
TT 9	Bukit Panggal	"	"
TT 10	Penanjong	"	"
TT 11	Keriam	"	"
TT 12	Panchor Papan	"	"
TT 13	Panchor Dulit	"	"
TT 14	Bukit Bendira	"	"
TT 15	Sengkarai	"	"
TT 16	Kuala Tutong	"	"
TT 17	Danau	"	"
TT 18	Telisai	"	"
TT 19	Lubok Pulau	"	"
TT 20	Tanjong Maya	"	"
TT 21	Penapar	"	"
TT 22	Bukit Udal,	"	"
TT 23	Kuala Abang	"	"
TT 24	Layong	"	"
TT 25	Ukong	"	"
TT 26	Bukit	"	"
TT 27	Rambai	"	"

Di-Pejabat		Daerah,	Belait
Pegawai			
KB 1	Liang	"	"
KB 2	Lumut	"	"
KB 3	Pekan Seria	"	"
KB 4	Lorong 3	"	"
KB 5	Lorong 4/5	"	"
KB 6	Marina	"	"
KB 7	Lorong 7	"	"
KB 8	Panaga	"	"
KB 9	Jalan Seria	"	"
KB 10	Nahkoda Ragam	"	"
KB 11	Panglima	"	"
KB 12	Duhon	"	"
KB 13	Lubok Palam	"	"
KB 14	Temanggong	"	"
KB 15	Tengah	"	"
KB 16	Pekan	"	"
KB 17	Piasau	"	"
KB 18	Melayu Asli	"	"
KB 19	Tanjong	"	"
KB 20	Sebarang	"	"
KB 21	Kuala Balai	"	"
KB 22	Bukit Puan	"	"
KB 23	Labi	"	"
KB 24	Bukit Sawat	"	"

Di-Pejabat		Daerah	Temburong
Pegawai			
TG 1	Menanggah	"	"
TG 2	Tanit	"	"
TG 3	Bangar	"	"
TG 4	Batang Tuau	"	"
TG 5	Puni	"	"

Penutupan Permainan Di-Bandar Brunei pada Malam Juma'at Ia-lah Sa-bagai Menghormati Ugama Rasmi Negara —kata Awang Ali

BANDAR BRUNEI. — Penutupan permainan pada malam Juma'at di-Bandar Brunei, bukan-lah kena mengena dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei. Ini ada-lah sa-mata2 menghormati Ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi Negeri Brunei seperti yang tersebut dalam Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959.

Demikian kata Awang Ali bin Awang Besar, selaku Pengerusi, Jawatan Kuasa Tertinggi, Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, kali yang ke-50, Bandar Brunei.

Awang Ali berkata sa-demikian sa-bagai menjawab surat yang tersiar dalam sa-buah akhbar harian tempatan pada 28 September, 1966.

Sa-bagai Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi Perayaan tersebut, Awang Ali menegaskan bahawa pehak Jawatan Kuasa perayaan itu sangat berterima kasih di-atas sambutan dan minat orang ramai kepada perayaan tersebut.

"Oleh kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menjadi Kepala Negara dan perayaan itu di-adakan untuk Paduka Seri Baginda," kata beliau," maka tentu-lah kena pada tempat-nya perayaan untuk Baginda itu di-sesuaikan dengan kedudukan Baginda supaya persembahan2 itu mendatangkan kegembiraan kepada Baginda."

Sa-terus-nya Awang Ali berkata," Walau bagaima-

na pun, pehak Jawatan Kuasa sangat mengambil perhatian berat di-atas sambutan orang ramai yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan perayaan itu. Saya berharap mudah2an penerangan saya ini akan menghilangkan kekeliruan orang ramai di-atas penutupan permainan pada malam Juma'at itu. Terima kasih."

Pemereksaan Rang Daftar Pengundi2

BANDAR BRUNEI. — Rang Daftar2 untuk kawasan Daerah Brunei boleh-lah di-pereksa di-Pejabat Pegawai Daerah Brunei dan sa-demikian juga untuk daerah2 lain di-Pejabat Pegawai Daerah yang berkenaan.

Dalam mengubah daftar, maka tiga Sinarai di-buat ia-itu (i) Sinarai A, ia-lah Daftar Pengundi yang ada pada masa ini atau pun di-pakai masa ini. (ii) Sinarai B, ia-itu satu sinarai yang mengandongi nama2 orang yang berkelayakan yang telah memohon supaya dimasukkan ka-dalam Daftar Pengundi, (iii) Sinarai C, ia-lah satu Sinarai yang mengandongi nama2 orang yang telah mati, atau yang telah tidak lagi berkelayakan dan pengundi2 yang berpindah.

Jumlah bilangan pengundi2 yang berdaftar pada tahun dahulu, ia-itu daftar yang ada pada masa ini ia-lah 19,884 orang.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulia hari Rabu 5 Oktober hingga ka-hari Selasa 11 Oktober, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
5 Oktober	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
6 Oktober	12.14	3.32	6.13	7.30	4.34	4.49	6.06
7 Oktober	12.14	3.32	6.13	7.30	4.34	4.49	6.06
8 Oktober	12.14	3.32	6.13	7.30	4.34	4.49	6.06
9 Oktober	12.14	3.32	6.13	7.30	4.34	4.49	6.06
10 Oktober	12.14	3.32	6.13	7.30	4.34	4.49	6.06
11 Oktober	12.13	3.30	6.12	7.28	4.34	4.49	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Menghadhiri Kursus Kewangan Di-England

BERAKAS. — Awang Wally Skinner, sa-orang Jurukira di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom baru2 ini untuk menghadiri Kursus Kewangan British Council dalam Bahagian Accountancy dan Audit Kerajaan di-London sa-lama tiga bulan.

Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei samenjak bulan Disember tahun 1949. Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Borneo Utara sa-lama empat tahun sa-bagai Kerani Besar di-Pejabat2 Daerah Tuaran, Kota Belud dan Penampang.

Pada bulan Mach 1951, Awang Wally Skinner telah menghadiri Kursus Kerjasama di-Kuching atas perbelanjaan Kerajaan Brunei sa-lama satu tahun. Kemudian dalam bulan Mei 1952 pula, Awang Wally Skinner telah mendapat satu lagi beasiswa Kerajaan Brunei untuk menghadiri Kursus Kerjasama di-Maktab Kerjasama, Polgollo, Kandy, Ceylon.

Awang Wally Skinner telah menghadiri Kursus Kewangan atas perbelajaan Kerajaan Brunei di-Australia sa-lama tiga tahun sa-tengah di-mana beliau telah memperolehi Ijazah A.A.S.A. ia-itu Associate Australian Society of Accountant, dalam bulan Jun tahun 1964.

Pada masa beliau balek di-Brunei dari Australia, beliau telah memperolehi Ijazah A.C.I.S. ia-itu ("associate of the Chartered Institute of Secretaries") dari London, dalam bulan Januari tahun 1965.

DARI MUKA 2

Ruangan 1		Ruangan 2	
Bahagian Pendaftaran	Di-Pejabat	Pegawai	Daerah, Temburong
TG 6 Belaban			
TG 7 Parit			
TG 8 Amo			
TG 9 Rataie			
TG 10 Bokok			
TG 11 Batu Apoi			
TG 12 Labu			

Sebarang tuntutan di-bawah para (1) dan sebarang bantahan di-bawah para (2) dari peratoran 18 dari Peratoran2 Pilehan Raya (Pendaftaran Pengundi2), 1964, mesti-lah di-perbuat di-dalam borang2 yang di-tetapkan oleh Peratoran2 itu.

Borang2 itu boleh di-dapati di-Pejabat Penyelia Pilehan2 Raya, dan mesti-lah di-hantarkan kapada-nya dalam tempoh 21 hari mulai dari tarikh di-siarkan kenyataan ini di-dalam Warta Kerajaan.

Bertarikh pada 28 September, 1966.

MATNOR MCAFFEE
Ketua Pegawai Pendaftaran,
Brunei.

Jumlah pengundi ada-lah saperti berikut: Pengundi2 yang memohon baru semua daerah dalam negeri ini - 3,450 orang. Jumlah pengundi2 lama dan baru - 23,424 orang. Oleh kerana 241 orang pengundi tersebut telah meninggal dunia, baki pengundi2 pada masa ini ia-lah - 23,183 orang.

Pengundi2 yang mana nama-nya ada dalam Sinarai A, tetapi belum terchatet nombor Kad Pengenalannya boleh-lah berjumpa dengan Pegawai Daerah masing2 supaya nombor itu boleh dimasukkan. Demikian menurut Awang Matnor McAfee, Penyelia Pilehan2 Raya, Brunei.

Sambutan2 Meriah Di-Seluruh Negara Menyambut Hari Keputeraan Baginda

SAMBUTAN2 yang telah di-adakan di-Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin pada tahun ini ada-lah lebeh meriah lagi daripada Sambutan2 Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan samentak tahun2 yang lalu.

Sa-panjang masa di-adakan perayaan2 di-tiap2 buah Daerah dalam negeri ini bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baru2 ini, ramai para penonton dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan achara2 yang di-adakan itu.

Achara2 yang telah di-atorkan oleh Jawatan2 Kuasa yang berkenaan bagi menyambut perayaan tersebut telah berjalan dengan baik dan segala2-nya itu telah di-laksanakan dengan sempurna.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, sa-lain daripada berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-Bandar Brunei, Baginda juga telah berchemar Duli ka-Istiadat2 Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

Di-satu Istiadat Sambutan tersebut, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah bahawa sambutan2 yang diberikan oleh penduduk2 di-Daerah itu kapada Baginda ada-lah membayangkan satu dari apa yang Baginda perchayai terbit-nya dari hati yang ikhlas, tenaga yang saling bahu-membahu di-antara satu dengan lain dan mudah2an akan kekal menjadi amalan kerana kebajikan atau sentiasa untok kebajikan.

Pada menerima-nya Baginda menguchap shukor dan terima kaseh Baginda atas keikhlasan mereka itu.

ALLAH LANJUTKAN USIA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA MAULANA AL-SULTAN, DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA RAJA ISTERI SERTA PUTERA2 DAN PUTERI2 BAGINDA KEDUA.


Menghadhiri Kursus Pentadbiran Muzium

BERAKAS. — Awang Mohd. Hassan bin Awang Timbang, Penulong Penyelenggara Muzium Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 28 September,

1966 untok menghadiri Kursus Hal Ehwal Pentadbiran Muzium.

Beliau akan menghadiri kursus tersebut di Muzium Negara, Kuala Lumpur selama tiga bulan.

Gambar2 Kenang2an Sam




KEPUTERAAN D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN



Raja Brunei kelihatan sa-belum beliau mengambil
looh kali pusingan kawasan A.M.D.B. di-Berakas. Be-
itu.



an Ratu Keputeraan di-Pekan Bangar,
ng.




D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan sa-masa Baginda berchemar
Duli Ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Pekan Tutong. Di-sa-
belah Baginda ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D.
Webber.



Pegawai Daerah Temburong, Pen-
giran Othman bin Pengiran Anak
Mohamed Salleh sedang merasmir-
kan pembukaan Perlawanan Akhir
Bola Sepak Sambutan Hari Kepu-
teraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sul-
tan di-Daerah Tutong antara Paso-
kan G.P.P.S., Tutong dengan Paso-
kan PERDA, Penanjong. Keputu-
san-nya: Pasokan G.P.P.S. menga-
lahkan Pasokan PERDA dengan
satu gol tidak berbalas.

GAMBAR² KENANG²AN SAMBUTAN² HARI



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed kelihatan menyampaikan Piala Kemenangan kepada Kopral Yunus Tudin dari A.M.D.B. di-temasha Peraduan Tinju Kejohanan Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei. Kopral Yunus telah menewaskan Raden Ibrahim dari Sibu.




D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan Pasokan Palang Merah di-Istiadat Perbaruan Keputeraan Baginda di-Kuala Lumpur.



Pemandangan Gerai² di-temasha Pasar Gembira di-Padang Besar, Bandar Brunei.



Peraduan Bermain Gasing di-Tutong.



Pemandangan temasha Perlumbaan Di-Ayer di-Tutong.



Perlumbaan Go-Kart di-kuala Lumpur.

PUTERAAN D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN



Perbarisan
outan Hari



Satu persembahan tarian di-temasha Pertunjukan Senaman Ramai Murid2 Sekolah di-Padang Besar Bandar Brunei.



Perlumbaan Motor Sangkut di-Tutong.



skar Melayu Di-Raja Brunei.



Perlawanan Tarek Tali di-Pekan Bangar, Temburong. Dalam gambar ini kelihatan Pasokan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan yang telah mengalahkan Pasokan A.M.D.B. dalam Perlawanan Tarek Tali di-temasha itu.

GAMBAR² KENANG²AN SAMBUTAN² HARI




D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan sebelum Baginda menyampaikan hadiah kepada pemenang² Perlumbaan Go-Kart di-kawasan Askar Melayu Di-Raja Brunei.


D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan pada masa Baginda berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Kuala Belait.



Kaptan Mohd. bin Haji Daud dari Askar bahagian dalam Perlumbaan Go-Kart Bahiau telah berjaya menjadi Johan dalam




Peserta² yang mengambil bahagian



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan sedang menyaksikan persembahan permainan Hadzrah bagi menyambut Hari Keputeraan Baginda di-Pekan Tutong.

an2 Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

Perarakan Kereta Berhias Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang mengambil bahagian dalam Perarakan Kereta Berhias Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. di-Bandar Brunei.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan sama-sama berchemar Duli ka-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Jadi Baginda di-Pekan Bangar, Temburong.



sa-buah motor sangkut yang mengambil bahagian di-temasha Perlumbaan Di-Ayer di-Temburong.



Awang Haris bin Judin dari Pejabat Daerah Temburong kelihatan pada masa beliau mengambil bahagian dalam Peraduan Menyelam di-Temburong. Awang Haris berada dalam ayer sa-lama sebelas sa'at sahaja.



Pertunjukan Senaman Ramai Murid2 Sekolah di-Daerah Tutong.



Pertunjukan Senaman Ramai Murid2 Sekolah di-Bandar Brunei.



PERTANDINGAN TINJU KEJOHANAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kopral Yunus Tudin dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pemegang gelaran Kejoohan Tinju Seluruh Borneo Bahagian Fly Weight telah berjaya mengalahkan Raden Ibrahim dari Sibul dalam Pertandingan Tinju Kejoohan Negeri Brunei Tahun 1966 Bahagian Fly Weight di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu.

Pertandingan Tinju tersebut telah di-adakan di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam Sabtu dan Ahad lalu dengan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Sa-orang lagi ahli tinju dari Negeri Brunei yang telah berjaya dalam Pertandingan Tinju tersebut ialah Raub dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pemegang gelaran Kejoohan Tinju Seluruh Brunei Bahagian Bantam Weight sa-lama dua tahun.

Dalam Pertandingan Tinju yang telah di-adakan pada malam pertama, Raub telah mengalahkan Mohamed dari P.S.U. dalam Bahagian Fly Weight. Pada malam kedua pula, Raub telah mengalahkan Conrad Boyd dari Dugie Leather Pusher.

Dua orang ahli2 tinju dari Jesselton, Sabah, telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Mereka ialah James Salan dan Charles William. James Salan telah mengalahkan Walter Boyd, manakala Charles William di-kalahkan oleh Kopral Ahmad Rashid dari Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohammad, Yang Dipertua Persatuan Tinju Negeri Brunei sa-lepas di-adakan pertandingan Tinju tersebut.

Keputusan penoh Pertan-

dangan Tinju pada malam kedua ada-lah seperti berikut:

Pertandingan antara murid2 sekolah: Feather Weight — Abdul Aziz Saifin (Sekolah Saint Margaret) mengalahkan Baskaran (Sekolah Saint Georges). Mosquito Weight — Filly Cheong (Saint Margaret) mengalahkan Stephen Lim (Saint Georges). Bantam Weight: Salleh Ghani (S.M.A.T.) mengalahkan Peter Chieng (Saint Georges). Feather Weight — Eddy Wong (Sekolah Saint An-

draws) mengalahkan Abu Bakar Jalif (S.M.A.T.). Fly Weight — Richard Hill (S.Y.C.) mengalahkan George Yam (Sekolah Saint Georges).

Pertandingan2 Khas: Middle Weight — Bombadier A. Head mengalahkan Bombadier Pettitt. Fly Weight — Kopral Yunus Tudin (A.M.B.D.) mengalahkan Raden Ibrahim (Sibu). Welter Weight — James Salan (Jesselton) mengalahkan Walter Boyd (Brunei). Middle Weight — Kopral Ahmad Rashid (A.M.D.B.) mengalahkan

Charles William (Jesselton).

Pertandingan2 Bahagian2 Kejoohan: Fly Weight — Raub (A.M.D.B.) mengalahkan Conrad Boyd (D.L.P.). Bantam Weight — Abu (A.M.D.B.) mengalahkan Nikman Md. Noor (S.Y.C.). Light Welter Weight — Billy Ahmad (A.M.D.B.) mengalahkan Mohamin Idris (D.L.P.). Feather Weight — Mohammad Tudin (D.L.P.) mengalahkan Jai Wahab (A.M.D.B.). Light Welter Weight — Ali Idris (A.M.D.B.) mengalahkan Besar Hidup (A.M.D.B.).

Keputusan Perlumbaan Basikal

TONGKADEH. — Keputusan Perlumbaan Basikal yang telah di-adakan di-kawasan Tongkadeh pada pagi hari Juma'at 30 Sept., 1966 bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti berikut:

Lelaki Bahagian Senior sa-jauh 10 batu, ia-itu 20 kali pusingan: Pertama — Ronney Thomas. Masa-nya 30 minit, 37.7 sa'at. Kedua — Henry Chin Sin Ming. Ketiga — Inspektor Joseph Chin.

Lelaki Bahagian Junior sa-jauh 10 batu, ia-itu 20 kali pusingan: Pertama — Awangku Ahmad-Pengiran Apong. Masa-nya 30 minit.

8.1 sa'at. Kedua — Azahari Md. Ali, Ketiga — Shahari Md. Ali.

Bahagian Wanita sa-jauh 5 batu, ia-itu 10 kali pusingan: Pertama — Jannie Chee Shuk Chin. Masa-nya 17 minit 23 sa'at. Kedua — Maymay Chin. Ketiga — Lim Mei Hua.

Bahagian Orang2 Tua sa-jauh 5 batu, ia-itu 10 kali pusingan: Pertama — Md. Apong Laman. Masa-nya 14 minit 49.1 sa'at. Kedua — O. Thomas. Ketiga — Awang Abdul Latif Awang Omar dan Ke-empat — Md. Yusuf Laman.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md. Ali bin Awang Besar telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 tersebut.

JAWATAN KOSONG

Pembantu Teknik Rendah Di-Pejabat Daerah dan Tanah Belait

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari Belip Tanah yang berjawatan tetap untuk di-lantek ka-jawatan Pembantu Teknik Rendah Tingkat Khas di-Pejabat Daerah dan Tanah, Belait.

GAJI: Dalam sukatan C2 \$660 X 30 — 900.

KELAYAKAN2: Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sebagai Belip Tanah selama sekurang2-nya 10 tahun. Mereka mesti-lah berpengalaman dalam hal sukat menyukat tanah dan mempunyai sedikit pengalaman mengenai taksir menaksir tanah. Ada baik-nya jika pemohon2 mengetahui Daerah Belait.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan

Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Oktober, 1966.

Perlumbaan Berjalan Kaki Murid2 Sekolah

KUALA BELAIT. — Seramai 50 orang murid2 sekolah dari 11 pasokan di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki sa-jauh satu batu bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Kuala Belait baru2 ini.

Perlumbaan tersebut bermula dari Padang Jalan Bunga Raya ka-Padang K.B.R.C. Kuala Belait.

Keputusan-nya: Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. Naib Johan dan juga Pemenang Ketiga — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

KENYATAAN PEJABAT BANDARAN MENGENAI KAWASAN TAMU DI-BANDAR BRUNEI

DI-MA'ALOMKAN kapada orang ramai bahawa tujuan asal-nya mengadakan kawasan tamu ada-lah semata2 untuk memberi peluang dan kemudahan2 kepada kaum tani dan peladang yang mempunyai kebun2 kecil menjual hasil tanaman mereka sendiri, seperti buah2an, sayur-mayor dan barang2 pertukangan tangan pada tiap2 Hari Juma'at dan Ahad sahaja.

Akan tetapi pada masa ini telah di-perhatikan bahawa kawasan tamu itu telah menjadi tempat menjual berbagai2 barang perniagaan, seperti makanan2, pakaian2 dan sebagai-nya.

Perbuatan ini ada-lah terkeluar dari tujuan asal mengadakan kawasan tamu yang mana tidak-lah dapat di-biarkan berlanjutan.

Oleh yang demikian mulai dari 30 September, 1966 hanya perniagaan yang berupa buah2an, sayur-mayor dan barang2 pertukangan tangan hasil kaum tani dan peladang sahaja di-benarkan di-jual di-kawasan tamu itu. Semua barang2 yang lain ada-lah sama sekali tidak di-benarkan di-jual di-sana.

Demikian menurut satu Kenyataan Pejabat Bandaran Brunei yang di-tandatangani oleh Awang Md. Ali bin Awang Besar, Pengerusi, Lembaga Bandaran, Brunei.

Pengumuman Untuk Pemandu2 Kereta

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan menutup jalan2 raya yang di-bawah ini mulai pada jam 12 tengah hari 8 Oktober hingga ka-jam 8 pagi 10 Oktober, 1966 kerana menjalankan pekerjaan pembaikan jalan2 raya.

Jalan Tengah di-antara Lorong 1 Barat dan Lorong Tengah Seria.

Kenderaan dari Brunei hendak-lah melalui Lorong 1 Timor, Jalan Utara dan sa-terus-nya ka-Lorong 2 Barat, Seria.

Kenderaan dari Seria hendak-lah melalui Lorong 2 Barat kemudian ka-Jalan Utara dan pusingkan ka-Jalan 1 Timor kemudian ka-Jalan Tengah sa-terus-nya ka-jalan menuju ka-Brunei.

SOKAN DAN OLAH RAGA

PERLAWANAN Hoki antara Kelab2, Persatuan2 dan Persekolahan2 kerana Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang Kelima Puluh atas anjoran Persatuan Hoki Negeri Brunei, telah di-adakan dengan chara kalah mati ('knock-out').

Perlawanan2 yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut:—

(i) **PADA 20 SEPTEMBER, 1966:** Perlawanan Satengah Akhir antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, dengan pasokan Sukarela Tutong, bertempat di-padang Besar Bandar Brunei.

Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei menang dengan 3 gol, berbalas 1.

(ii) **PADA 23 SEPTEMBER, 1966:** Perlawanan Akhir antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan pada petang itu selesai-lah Perlawanan Hoki kerana Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-50 bagi Tahun 1966.

Yang menjadi Johan ialah pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei dan yang menjadi Naib Johan ialah pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

HADIAH REBUTAN. JOHAN: Piala Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Penulong Menteri Pertanian, Brunei. NAIB JOHAN: Piala Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali, Pengelola Museum Negara, Brunei.

Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang kepada pasokan2 yang berjaya.

SOKAN DARAT

Temasha Sokan Darat Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Kelima Puluh, telah di-langsungkan pada 24 September, 1966, bertempat di-padang SMJA., Bandar Brunei.

Perlawanan Sokan di-bahagikan tiga Peringkat ia-itu: Lelaki Dewasa, Le-

Oleh: Awang Md. Husain Zainal

laki Junior dan Perempuan.

Sa-banyak 40 achara telah di-pertandingkan pada petang tersebut, ia-itu Lelaki Dewasa 17 achara, Lelaki Junior 12 achara dan Perempuan 11 achara.

Ramai Peserta: yang mengambil bahagian pada petang itu:—

Daerah. Brunei dan Muara: Lelaki Dewasa. 76 orang. Lelaki Junior. 69 orang. Perempuan. 60 orang.

Daerah. Belait: Lelaki Dewasa 27 orang. Lelaki Junior 18 orang. Perempuan 16 orang.

Jumlah semua sekali yang mengambil bahagian ia-lah seramai 266 orang.

Pada tahun ini di-adakan pertandingan antara peserta2 dari Daerah Belait dengan Daerah Brunei dan Muara, dengan chara hitungan mata kemenangan dari tiap2 peringkat dalam tiap2 jenis perlawanan yang mendapat **PANGKAT PERTAMA** diberi satu mata untuk mata kemenangan bagi daerah-nya untuk merebut hadiah

rebutan.

(a) Piala Sharikat Minyak Shell Berhad Brunei bagi peringkat Lelaki Dewasa.

(b) Piala Sharikat Harrison & Crosfield, Brunei bagi peringkat lelaki Junior.

(c) Piala Sharikat Borneo Berhad, Brunei bagi peringkat Perempuan.

Keputusan antara Daerah:

(a) Peringkat Lelaki Dewasa di-menangi oleh Daerah Brunei dan Muara dengan hitungan mata Brunei mendapat 9 mata dan Belait mendapat 8 mata.

(b) Peringkat lelaki Junior di-menangi oleh Daerah Brunei dan Muara dengan hitungan mata: Brunei mendapat 10 mata dan Belait mendapat 2 mata.

(c) Peringkat Perempuan di-menangi oleh Daerah Brunei dan Muara dengan hitungan mata: Brunei mendapat 6 mata dan Belait mendapat 5 mata.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, ketiga2 hadiah rebutan di-pegang

oleh Daerah Brunei bagi tahun 1966.

Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Perkerma Dewa Awang Lukan bin Uking, Penulong Menteri Pelajaran Brunei kepada pasokan2 yang berjaya.

BOLA SEPAK

Perlawanan Bola Sepak Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Ke-50, ia-itu Permainan chara persahabatan dengan pasokan jemputan dari Labuan berlawanan dengan pemain2 tempatan.

Dua kali perlawanan telah di-adakan dan semua permainan bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei.

Pada 24 September, 1966: Pasokan Labuan berlawanan dengan Negeri Brunei, Keputusan-nya Negeri Brunei menang dengan 6 gol berbalas 1.

Pada 25 September, 1966: Pasokan Labuan berlawanan dengan pasokan Kampong Sumbiling. Keputusan-nya Pasokan Kampong Sumbiling menang dengan 3 gol berbalas 1.

Keputusan Perlawanan Sepak Raga Jaring dan Sepak Raga Bulatan

BANDAR BRUNEI.—Perlawanan Sepak Raga Jaring sa-chara pukul keliling antara Persatuan2, Kelab2 dan Badan Persekolahan bagi Daerah Brunei dan Muara kerana Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-mulai samanjak 20 Ogos, 1966 telah berakhir pada 28 September, 1966.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut: Pasokan "A". Johan — Pasokan S.R.J.I.P. Naib Johan — Pasokan BOMBA. Ketiga — Pasokan Maktab S.O.A.S. Pasokan "B." Johan Pasokan KUBU Naib Johan — Pasokan Maktab S.O.A.S. Ketiga — Pasokan SUMBILING. Champoran Mata Pasokan2 "A" dan "B". Johan — Pasokan Maktab S.O.A.S. Naib Johan Pasokan KUBU. Ketiga — Pasokan BOMBA.

Pada malam 1 Oktober telah di-adakan Perlawanan Sepak Raga Bulatan dan Perlawanan Sepak Raga Jaring sa-chara kalah mati.

Keputusan perlawanan2 tersebut ia-lah: Perlawanan Sepak Raga Bulatan. Johan — Pasokan BOMBA mendapat 146 mata. Naib Johan — Pasokan Maktab S.O.A.S. mendapat 107 mata. Ketiga Pasokan S.M.M.P. mendapat 34 mata. Perlawanan Sepak Raga Jaring chara kalah mati. Johan — Pasokan S.R.J.I.P. Naib Johan — Pasokan Maktab S.O.A.S.

Dalam Perlawanan Bahagian Saparoh Akhir yang telah di-adakan pada ma-

lam tersebut Pasokan Maktab S.O.A.S. mengalahkan Pasokan KUBU dan Pasokan S.R.J.I.P. mengalahkan Pasokan BOMBA.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis ibni Al-marhom Sultan Hashim telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 tersebut sa-lepas di-langsungkan Perlawanan2 Sepak Raga Bulatan dan Sepak Raga Jaring chara kalah mati di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam 1 Oktober.

Perjumpaan Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Satu Perjumpaan Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei akan di-adakan di-Dewan P.G.G.M.B., Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada hari Rabu 5 Oktober, 1966, mulai jam 6.45 petang.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Uchapan oleh

Pengerui Jawatan Kuasa Tertinggi sambutan tersebut, Awang Ali bin Awang Besar; Persembahan Tarian2 oleh murid2 sekolah dan penari2 dari luar negeri serta Jamuan Sateh.

Semua Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi, Jawatan2 Kuasa Kerja, Jawatan2 Kuasa Bahagian dan Jawatan2 Kuasa Kechil, sama-ada yang telah menerima jemputan atau belum di-persilakan hadir ka-temasha tersebut.

D. Y. M. M. BERCHEMAR DULI KA-TEMASHA LUMBA GO-KART

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Perlumbaan Kereta jenis Go-Kart di-kawasan Perkhema-han Askar Melayu Di-Raja Brunei pada pagi hari Ahad 2 Oktober, 1966. Perlumbaan Go-Kart itu di-adakan sa-bagai satu daripada acara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Baginda juga telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 perlumbaan Go-Kart itu.

Di-antara para hadirin di-temasha tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber dan isteri-nya; Dato dan Datin Coates serta ramai para penonton.

Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Perlumbaan Bahagian Brunei Grand Prix Tahun 1966 ia-itu sa-banyak 150 kali pusingan kawasan perlumbaan: Johan — Pasokan Major H. Marshall dari Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Ray Worthy dari Worldwide Helicopters. Naib Johan — Pasokan D.E. Duffy dan Kapitan B. Lawson dari Miri. Pemenang Ketiga — Pasokan Tong Yong Foo dan I.A. Wilfred dari Seria.

Pemenang2 pasokan yang menjadi Johan dalam perlumbaan tersebut telah mendapat Piala Perak dan Pingat2 mas yang di-kurniakan oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan serta juga wang sa-banyak \$300. Pemandu2 yang mendapat gelaran Naib Johan telah memperolehi Pingat2 Perak yang di-kurniakan oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan serta Perisai Sharikat Minyak Shell dan wang sa-banyak \$200. Hadiah2 untuk peme-

nan2 ketiga ia-lah: Pingat2 Gangsa kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan wang sa-banyak \$100.

Sa-belum di-adakan perlumbaan Brunei Grand Prix itu, satu perlumbaan sa-banyak 20 kali pusingan kawasan perlumbaan itu telah di-adakan. Dalam perlumbaan tersebut, Adjutan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Kapitan Mohd. bin Haji Daud telah berjaya menjadi Johan. Kedua ia-lah M. Kift, sa-orang Jurutera dari Worldwide Helicopters yg. berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pemenang ketiga ia-lah L. Carradice dari Miri.

Perisai Khas dari Sharikat Mobil untuk pemandu yang terbaik sekali telah di-hadiahkan kepada Rudy Brunet de Roche Brunne ia-itu pemenang yang ke-empat dalam Perlumbaan Brunei Grand Prix.

Keputusan Peraduan Pintu2 Gerbang

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Peraduan Pintu2 Gerbang bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei yang telah di-hakimkan baru2 ini ada-lah seperti berikut:

Bahagian Pertubohan2 dan lain2nya.

Pertama: Persatuan Pedagang2 Beras dan Gula, Brunei. Hadiah-nya ia-lah sa-buah perisai rebutan, mangkok perak dan wang tunai \$220.

Kedua: Kaum Tionghua Daerah Brunei. Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak dan wang tunai \$100.

Ketiga: Persatuan Pemborong2, Brunei. Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak.

Hadiah2 sagu hati di-berikan kepada Dewan Perniagaan Melayu, Brunei dan Persatuan Orang2 India Bandar Brunei.

Bagi Jabatan2 Kerajaan.

Pertama: Jabatan Penchen Negara dan Orang2 Yang Menerima Penchen. Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak.

Kedua: Jabatan Perubatan, Brunei. Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak.

Hadiah khas kerana baik chogankata di-berikan kepada pintu gerbang yang didirikan oleh Jabatan Penchen dan Orang2 Yang Menerima Penchen.

Malam Aneka

Warna Di-Tutong

TUTONG. — Malam Aneka Warna persembahan Persatuan2 di-Daerah Tutong telah berlangsung dengan jaya dan lancar-nya samanjak 26 September dan berakhir pada 3 Oktober, 1966.

Sungguh pun hujan telah turun sa-lama beberapa malam, akan tetapi temasha itu telah berjalan dengan lancar dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan para penonton. Dalam pada itu Persatuan2 yang mengambil bahagian telah dapat mempersembahkan acara mereka seperti yang di-ranchangkan.

Di-antara acara2 yang di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Pemilehan Achara Terbaik. Keputusan-nya ia-lah: Pertama — Persatuan PERDA Penanjong. Kedua — Persatuan Melayu Keriam Tutong. Ketiga — Persatuan Pemuda Pemudi Tunas Harapan, Kampong Sinaut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Awang Suni bin Haji Idris, selaku Naib Yang Dipertua, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei pada malam 3 Oktober, 1966.

Derma Untuk Anak2 Yatim

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat, Daerah Belait telah menerima derma wang sa-banyak \$5,000 dari akhbar "The Borneo Bulletin" hingga akhir bulan September, 1966.

Wang itu telah di-dermakan oleh pembaca2 akhbar tersebut untuk anak2 yatim Wong dari Seria.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat itu telah pun menyimpan wang tersebut di-sa-buah bank di-Kuala Belait untuk kegunaan anak2 yatim itu, di-bawah jagaan

Pengerusi dan Penyimpan wang Kehormat Majlis Perkhidmatan Masyarakat, Daerah Belait.

Sa-lain dari itu, pada 3 Oktober, 1966 Majlis Perkhidmatan Masyarakat, Daerah Belait telah menerima derma wang sa-banyak \$2,971.60 dari akhbar "The Daily Star" yang telah di-dermakan oleh pembaca2 akhbar itu untuk anak2 yatim Wong.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat, Daerah Belait telah juga menyimpan derma tersebut di-bank untuk kegunaan anak2 yatim Wong itu.

Titah D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

DARI MUKA 1.

rima kaseh kepada Pengerusi dan Jawatan Kuasa Perayaan, serta penduduk Daerah ini, kerana merayakan Ulang Tahun ke-50 usia Beta. Pada hemat Beta pada kali ini ada-lah istimewa dari tahun2 yang sudah.

Sambutan2 yang di-berikan oleh tuan2 kepada Beta ini, ada-lah membayangkan satu dari apa Beta perhayai ia-lah terbitnya dari hati yang ikhlas, tenaga yang saling bahu-membahu di-antara satu dengan lain dan mudah2an akan kekal menjadi amalan kerana kebajikan atau sentiasa untuk kebajikan.

Pada menerima-nya Beta mengucap shukur dan terima kaseh Beta atas keikhlasan hati tuan2 itu.

Beta sangat sukachita mendengar yang penduduk2 di-Daerah ini telah mendapat beberapa kemu-

dahan yang di-perolehi dari Perkembangan2 Luar Bandar yang telah di-buat oleh Kerajaan Beta, umpama jalan2 kechil dari Kampong ka-sabuah Kampong, Balai2 Raya dan lain2-nya.

Sa-lain dari ranchangan2 seperti bangunan sekolah2 yang mana amat mustahak dan juga bangunan Pejabat Daerah, tali ayer untuk tanah dan sa-bagai-nya yang di-fikirkan yang akan mendatangkan munafa'at.

Sa-belum Beta mengakhiri ucapan Beta ini, Beta sukachita menaruh harapan penoh kepada Pegawai2 Kerajaan yang ditugaskan supaya segala ranchangan2 bagi sa-suatunya berjalan dengan

laila chermat dan berhati2 pada menyelenggarakan ranchangan2 yang akan mendatangkan kemudahan laila berfaedah kepada penduduk2 Daerah ini khas-nya dan ra'ayat Brunei 'am-nya.

Dan kepada ra'ayat dan penduduk di-Daerah ini, Beta berharap supaya giat dalam laila usaha dan ta'at kepada Peratoran dan Undang2 serta, memberi laila bantuan atau tegoran yang sehat bagi membena untuk kebaikan, kebajikan dan keselamatan pada mengekalkan nama baik Negara Brunei Darus Salam di-dalam aman sentosa. Akhir nya sambut-lah ucapan terima kaseh beta. Terima Kaseh."

Gunakan-lah Bahasa Melayu